

Gawat dangdut erotik

Metro 19/6/12 MS 20

Lirik lucah, tarian seksi rangsang nafsu uji kesabaran norma hidup negara paling ramai umat Islam

DI NEGARA yang memaksa bintang sensasi Lady Gaga membatalkan konsertnya akibat bantahan pembangkang bulan ini, artis tempatan turut menaikkan kemarahan pihak berkuasa agama.

Dengan semakin banyak lirik lucah dan tarian seksi dipamerkan, muzik dangdut - irama gabungan Arab, Melayu, India dan Barat - kini menguji kesabaran norma hidup di negara paling ramai umat Islam di dunia itu.

Keputusan Lady Gaga membatalkan konsert di Indonesia akibat ancaman kumpulan konservatif Islam gara-gara penampilan seksi serta sokongannya kepada kumpulan gay menampakkan pengaruh kelompok itu semakin besar.

Pada masa sama, kumpulan terbabit berdepan cabaran berterusan di dalam negara melalui muzik dangdut yang bermula seawal 1930-an.

Bagi pengkritik, muzik dangdut kini semakin lucah berbanding sebelum ini.

Kira-kira 200 lagu baru dangdut dikeluarkan setiap bulan di Indonesia, tetapi awal tahun ini, Suruhanjaya Penyiaran Indonesia mengharamkan 10 lagu yang menggunakan judul lucah melampau, termasuk sesetengahnya merujuk kepada kemaluan lelaki dan wanita.

Satu daripada lagu diharumkan ialah 'Jupe Paling Suka 69' dinyanyikan selebriti sensasi Indonesia, Julia Perez (Jupe) yang merujuk kepada posisi seksual.

Dalam video muzik rasmi lagu itu, Jupe, 32, tampil dengan pakaian yang mencolok mata beraksi penuh ghairah.

Di sebalik pengharaman pihak berkuasa, lagu itu mendapat sambutan dan membantu klip video berkenaan menerima ratusan ribu pelawat Internet, termasuk di YouTube.

Kata Jupe, lagu itu bukan mengenai seks, sebaliknya menasihati supaya seseorang lelaki dan wanita tidak ego dalam bercinta.

"Hanya kerana saya menyanyikannya, pendengar menganggap ia lucah," katanya.

Menurut penyanyi dan pelakon popular itu, jika seseorang wanita memiliki buah dada besar, tentu dia tidak dapat mengelak daripada kelihatan mempunyai belahan dada yang ketara.

"Itu normal. Payudara saya tidak terdedah dan pinggul saya tidak kelihatan," katanya.

Pengerusi Barisan Pembela Islam Jakarta, Habib Salim Alatas, pernah mengancam 'membakar pentas' jika Lady Gaga meneruskan rancangannya mengadakan kon-



HIBURAN...penyanyi dangdut membuat persembahan di jalanan sekitar Jakarta.

sert pada 3 Jun lalu.

Menurut Habib Salim, penyanyi dangdut tiada beza dengan diva pop dari AS itu.

"Saya juga sukakan dangdut, sama seperti saya gemarkan muzik rock dan pop.

"Kami membantah artis yang terlalu banyak mendedahkan tubuh atau menari terlalu erotik," katanya.

Justeru, kata Habib Salim, penyanyi dangdut tempatan yang muncul secara seksi juga wajar diharamkan.

Irama dangdut muncul pada 1930-an dan mendapat perhatian pada 1950-an selepas presiden pertama Indonesia, Sukarno, berusaha memadamkan pengaruh Barat seperti Hollywood daripada kebudayaan tempatan.

Penyanyi lelaki dan wanita bersama-sama mempopularkan irama itu.

Pemerhati muzik, Denny Sakrie berkata, ketika itu tiada filem Hollywood, sebaliknya hanya filem Hindi dibenarkan di Indonesia.

"Kerana itu kita dapat lihat

pengaruh tabla India dalam muzik dangdut," katanya.

Menurut Denny, penyanyi dangdut tempatan mula muncul pada 1960-an dan Rhoma Irama mempopularkan irama itu pada 1973 dengan memperkenalkan elemen rock seperti dibawa kumpulan Deep Purple.

"Rhoma Irama mengangkat dangdut daripada sekadar muzik kelas bawahan," katanya.

Profesor muzik di Universiti Pittsburgh, Andrew Weintraub berkata, dangdut adalah forum untuk meraikan penari wanita yang tam-

Setiasaha Agung Majlis Ulama Indonesia cawangan Jawa Barat, Rafani Achyar, berkata penyanyi seksi yang menyampaikan lagu mengenai seks dan kehamilan luar nikah hanya menggembarakan syaitan.

Pemuzik dangdut tradisional juga merungut apabila genre asal kini semakin suram, manakala penyanyi wanita pula menjadi 'penari bogel'.

Sementara itu, aktiviti 'candoleng-doleng' atau 'dangling' mengikut dialek Bugis kini semakin berkembang dengan memperkenalkan aksi lebih berani.

Ia merujuk kepada sekumpulan wanita menyanyi dangdut di majlis perkahwinan dengan mendedahkan payudara kepada penonton, termasuk kanak-kanak.

Dengan bayaran serendah 5,000 rupiah (RM1.70), penonton lelaki dibenarkan meraba penari berkenaan.


Ketua Polis Sidrap, Sulawesi Selatan, Anang Pujiyanto berkata, tarian seumpama itu tidak wajar berkelakuan tidak senonoh, terutama dengan kehadiran kanak-kanak.

"Kadang-kadang berlaku pergaduhan apabila penonton lelaki berebut penari," katanya.

Rhoma Irama - digelar sebagai Raja Dangdut dan kini menjadi Pengerusi Bersama Persatuan Artis Muzik Dang-

DIALOG KOTA RAYA

Oleh: Juragan



pil erotik dan berténaga.

“Selama ini ia menjadi bahagian penting dalam sejarah budaya Indonesia, sekurang-kurangnya di Jawa dan Sumatera,” katanya melalui buku *Dangdut Stories*.

Kini, dangdut - mendapat namanya daripada ‘dang’ dan ‘dut’ merujuk kepada bunyi tabla - lebih dilihat sebagai gabungan irama moden R&B serta pop elektronik yang mempunyai pengaruh Bollywood.

Penyanyi dangdut arus perdana Indonesia muncul di televisyen hampir setiap malam, selain menjadi penghibur majlis perkahwinan, pertemuan komuniti dan perhimpunan politik.

Namun, genre itu menguji sempadan sosial sejak dekad lalu, bermula dengan kemunculan Inul Daratista yang memperkenalkan aksi ‘goyang gerudi’ sehingga menaikkan kemarahan pemimpin Islam.

Inul juga dilarang beraksi di pentas di beberapa wilayah di Indonesia.

berdangdut Melayu Indonesia - berpendapat, penyanyi dangdut kini menjadi sangat erotik dengan menampilkan tarian bogel dan merangsang nafsu.

“Mereka mencemar dangdut, merosakkan moral masyarakat dan mesti dihentikan,” katanya.

Mula dipopularkan pada 2003 di kawasan pedalaman Sulawesi Selatan, tarian dangdut bogel kini menjadi kegilaan masyarakat terpencil.

Aktiviti sebegitu dapat dijalankan kerana tindakan pihak berkuasa hanya diambil apabila mereka mendapat maklumat mengenainya.

Namun, biasanya penari bogel itu akan dibebaskan selepas diberi amaran.

Seorang kontraktor yang meminati dangdut, Arif, berkata dia gemarkan ‘candoleng-doleng’.

“Tarian bogel tidak baik untuk kanak-kanak, tetapi ia tidak membawa masalah kepada lelaki dewasa seperti saya,” katanya. - AFP